


Asas-asas Penyelenggaraan

3. Jika terminal baterai telah terkakis dengan teruk, bersihkan dan gilasannya dengan berus wayar atau kertas pasir. Sila pakai pelindung mata.



4. Pasangkan kembali bateri selepas pembersihan.

Bateri mempunyai jangka hayat yang terhad. Dapatkan nasihat daripada wakil pengedar anda bila harus menggantikan bateri. Pastikan anda gantikannya dengan bateri baru tanpa perlu penyelenggaraan yang berjenis sama.

NOTIS


Pemasangan aksesori elektrik bukan Honda mungkin akan membebankan sistem elektrik, merosakkan bateri dan sistem elektrik secara menyeluruh.

Fius

Fius memberi perlindungan kepada litar elektrik kenderaan anda. Jika sesuatu bahagian elektrik pada kenderaan anda tidak berfungsi, sila periksa dan gantikan fuis terbakar jika perlu. ➔ MS. 93

Periksa Dan Mengantikan Fius

Putarkan suis penghidup ke posisi **O** (Off) untuk menanggalkan dan memeriksa fuis. Jikalau fuis telah terbakar, gantikannya dengan yang baru dengan taraf nilai yang sama. Untuk penarafan fuis, rujuk "Spesifikasi." ➔ MS. 107



Fius yang terbakar

NOTIS

Gantikan fuis dengan jenis yang mempunyai taraf nilai yang lebih tinggi berkemungkinan besar akan merosakkan sistem elektrik.